

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
(PADANG BESAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.05.2016

Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang supaya fokus Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dikembalikan kepada membangun syarikat-syarikat perkilangan dan teknologi Bumiputera sepertimana matlamat asal penubuhannya. Gabungan syarikat-syarikat perindustrian dan teknologi Bumiputera sokongan PUNB dengan syarikat-syarikat "established" serta multinasional yang Permodalan Nasional Berhad (PNB) mempunyai kepentingan pelaburan sewajarnya dipertingkatkan lagi sehingga wujud kumpulan usahawan korporat industrial Bumiputera yang tersenarai di Bursa Malaysia setiap tahun dan berupaya bersaing di peringkat global.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PUNB masih mambangunkan syarikat-syarikat perkilangan dan teknologi Bumiputera (PKS) seperti matlamat asal penubuhan PUNB pada tahun 1991.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2000 PUNB telah diberi mandat oleh Kerajaan melalui Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) untuk membangun dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang peruncitan. Sehubungan itu, PUNB mengambil peluang ini untuk membangun usahawan-usahawan Bumiputera dalam bidang tersebut melalui skim-skim seperti berikut:

- 1) PROSPER Runcit
- 2) PROSPER Usahawan Muda
- 3) PROSPER Pemborong
- 4) PROSPER Teras

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, modus operandi PUNB tertumpu kepada penyediaan peluang untuk usahawan Bumiputera mencapai kejayaan dalam perniagaan melalui empat (4) komponen berikut:

- 1) Pembiayaan

- 2) Khidmat Nasihat & Pemantauan
- 3) Pembangunan Usahawan dan Latihan
- 4) Promosi dan Jaringan Perniagaan

PUNB telah banyak membangunkan usahawan PKS di seluruh Malaysia melalui komponen-komponen di atas. Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan dan jumlah syarikat dan usahawan yang dibangunkan untuk Skim Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia adalah seperti berikut:

PERKARA	BIL SYARIKAT DIBANGUNKAN	AMAUN DILULUSKAN (RM JUTA)	USAHAWAN DIBANGUNKAN
JUMLAH	288	813.613	735

Selain itu, PUNB juga telah memberikan bantuan pembiayaan kepada beberapa syarikat sehingga tersenarai di Bursa Malaysia seperti Heitech Padu Bhd dan Progressive Impact Corporation Sdn. Bhd. Pada masa ini, disebabkan oleh dana yang terhad, PUNB mengutamakan program bagi membantu usahawan bumiputera di peringkat peringkat permulaan (*start ups*).

Di bawah Agenda Permerkasaan Ekonomi Bumiputera yang telah dilancarkan pada September 2013 oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan PNB) telah turut sama terlibat dalam inisiatif-inisiatif bagi membangunkan usahawan Bumiputera termasuk program 'carve-out and compete' serta program pembangunan vendor.

Program 'carve-out and compete' memberi peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berkebolehan untuk terlibat sama dalam projek-projek yang dijalankan melalui peruntukan kuota penglibatan. Sebagai contoh, bagi pembinaan Menara Merdeka PNB118 yang dijangka siap pada 2020, sejumlah RM2 bilion kontrak pembinaan diperuntukkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Manakala, di bawah program pembangunan vendor pula, syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan diberi peluang untuk menjadi sebahagian daripada rangkaian pembekalan anak-anak syarikat Kumpulan PNB.

Selain dari itu, Kerajaan melalui Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas) akan sentiasa membantu usahawan korporat Bumiputera dalam

mengembangkan perniagaan mereka sehingga tersenarai di Bursa Malaysia.